

PENYELARASAN DAN RUNDINGAN ANTARA DAERAH YANG BERSEMPADAN DENGAN DAERAH NEGERI BERJIRAN DALAM PENYEDIAAN RANCANGAN TEMPATAN

1. Penyelarasan perancangan antara **daerah yang bersempadan** dengan **Daerah Negeri Berjiran** dalam penyediaan Rancangan Tempatan adalah penting bagi membentuk **perancangan spatial secara bersama serta saling melengkapi antara satu sama lain** ke arah mencapai matlamat pembangunan wilayah bersepadu dan komprehensif.
2. Senarai semak ini akan menjadi **panduan** kepada **PLANMalaysia@Negeri, Pejabat Projek Zon dan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan** sebagai penambahbaikan kepada mekanisme rundingan dan penyelarasan sedia ada.
3. Aspek penyelarasan dan rundingan antara daerah yang bersempadan dengan daerah negeri berjiran yang perlu diambil kira **semasa penyediaan sesuatu RT**.
4. **Peringkat Awal Kajian : SENARAI SEMAK A** - Meliputi peringkat penyediaan **Laporan Terma Rujukan** dan Peringkat **Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan**.
5. **Peringkat Draf RT : SENARAI SEMAK B** - Memastikan halatuju strategik dan cadangan-cadangan dalam **Draf RT** yang baharu telah mengambil kira aspek-aspek sebagaimana senarai semak bagi daerah negeri berjiran.



PLANMalaysia

**SENARAI SEMAK PENYELARASAN DAN RUNDINGAN ANTARA DAERAH YANG BERSEMPADAN
DENGAN DAERAH NEGERI BERJIRAN DALAM PENYEDIAAN RANCANGAN TEMPATAN**

**JADUAL A: PERINGKAT TERMA RUJUKAN DAN PERINGKAT LAPORAN ANALISIS DAN
STRATEGI PEMBANGUNAN**

NO.	ASPEK PENYELARASAN DI PERINGKAT AWAL KAJIAN	AGENSI NEGERI BERJIRAN TERLIBAT	CATATAN/ KEPUTUSAN
1.	Penyelarasan dengan dasar-dasar dan polisi pembangunan peringkat negara, wilayah, negeri dan daerah (RFN, RSN, RTD, RKK, Koridor Pembangunan Ekonomi & lain-lain).	BPEN/ UPEN, PLANMalaysia@Negeri, PBPT, Pejabat Tanah Daerah, dan BRFN	Penyelarasan dibuat sebelum Mesyuarat Penyelarasan Teknikal di Peringkat Laporan Pendekatan Kajian
2.	Halatuju atau potensi kawasan daerah negeri berjiran mengikut RT (Visi, Misi, Strategi Pembangunan).	BPEN/ UPEN, PLANMalaysia@Negeri, PBPT dan Pejabat Daerah	
3.	Guna tanah semasa kawasan RT daerah negeri berjiran.	PTG, PLANMalaysia@Negeri, PBPT, Pejabat Tanah Daerah dan BMGN	
4.	Guna tanah cadangan RT daerah negeri berjiran.	PTG, PLANMalaysia@Negeri dan BMGN/ UPMP	
5.	Projek komited dan/ atau projek berimpak tinggi kawasan daerah negeri berjiran.	BPEN/ UPEN, PLANMalaysia@Negeri dan PBPT	Termasuk RKK
6.	Perancangan kemudahan awam dan utiliti serta jaringan infrastruktur utama antara daerah negeri berjiran.	JKR, JPS, PLANMalaysia@Negeri, Syarikat Pembekal Utiliti dan Kementerian/ Agensi berkaitan	
7.	Kegunaan khas kawasan daerah negeri berjiran (tanah-tanah institusi, keselamatan, sempadan maritim dan lain-lain).	Kementerian/ Agensi berkaitan	
8.	Perkara berkepentingan merentasi sempadan daerah (pengurusan lembangan sungai, kawasan tadahan, sistem pengangkutan awam, KSAS, pengurusan hutan dan lain-lain).	Kementerian/Agensi berkaitan	
9.	Mengambil kira jumlah penduduk semasa dan unjuran penduduk bagi daerah negeri berjiran.	BPEN/ UPEN, PLANMalaysia@Negeri, Jabatan Perangkaan dan Agensi Berkaitan	Tambahan



PLANMalaysia


**SENARAI SEMAK PENYELARASAN DAN RUNDINGAN ANTARA DAERAH YANG BERSEMPADAN
DENGAN DAERAH NEGERI BERJIRAN DALAM PENYEDIAAN RANCANGAN TEMPATAN**

JADUAL B: PERINGKAT DRAF RANCANGAN TEMPATAN

NO.	ASPEK PENYELARASAN DI PERINGKAT DRAF RT	AGENSI NEGERI BERJIRAN TERLIBAT	CATATAN/ KEPUTUSAN
1.	Mengambil kira cadangan-cadangan RT yang melibatkan kawasan sempadan daerah berkaitan.	PLANMalaysia@Negeri dan PBPT	
2.	Mengambil kira cadangan utama kawasan koridor wilayah ekonomi bagi kawasan pembangunan bersama	PLANMalaysia@Negeri dan Agensi Pembangunan Wilayah	
3.	Mengambil kira pengekal koridor ekologi CFS, KSAS, sumber semulajadi termasuk hutan simpan dan sumber marin merentasi sempadan negeri (RT akan menandakan sempadan mengikut lot/ kawasan dan zon penampian).	BPEN/ UPEN, PLANMalaysia@Negeri, PBPT, BMGN/ UPMP dan Kementerian/ Agensi berkaitan	
4.	Perancangan kawasan tadahan sumber air bersebelahan atau merentasi sempadan daerah dan lembangan sungai bersama (RT akan menandakan kawasan zon penampian tadahan air).	JPS, PLANMalaysia@Negeri, Pihak Berkuasa Air Negeri dan Kementerian berkaitan	
5.	Jaringan lebuh raya dan jalan persekutuan merentasi sempadan daerah yang berkesinambungan.	JKR, PLANMalaysia@Negeri dan Kementerian berkaitan	
6.	Rangkaian infrastruktur dan kemudahan utama merentasi sempadan daerah seperti laluan paip gas, bekalan elektrik, terusan dan lain-lain berkaitan.	Syarikat pembekal utiliti dan Kementerian/ Agensi berkaitan	
7.	Penyediaan kemudahan masyarakat yang mengambil kira tadahan penduduk bagi daerah negeri berjiran.	PLANMalaysia@Negeri, PBPT dan Kementerian/ Agensi berkaitan	
8.	Penyelarasan peta cadangan guna tanah dengan daerah negeri berjiran	PLANMalaysia@Negeri dan PBPT	
9.	Kawasan pertanian utama bersebelahan dan keperluan pemeliharaan kawasan bekalan makanan negara masa hadapan termasuk kawasan jelapang padi negara atau kawasan pengairan pertanian rentas sempadan daerah.	BPEN/ UPEN, PLANMalaysia@Negeri, PBPT, Pejabat Daerah, Jabatan Pertanian, dan Kementerian/ Agensi berkaitan	

NO.	ASPEK PENYELARASAN DI PERINGKAT DRAF RT	AGENSI NEGERI BERJIRAN TERLIBAT	CATATAN/ KEPUTUSAN
10.	Penyelarasan sumber mineral dan perlombongan kawasan bersempadan (RT akan menandakan zon penampian).	BPEN/ UPEN, PTG, JMG, PLANMalaysia@Negeri, PBPT dan Pejabat Daerah	
11.	Penyelarasan zon industri utama seperti zon industri berat di kawasan bersempadan dan keperluan zon penampian bersama (RT akan menandakan secara terperinci).	PLANMalaysia@Negeri, PBPT dan Kementerian/ Agensi berkaitan	
12.	Cadangan pembangunan pempandaran baharu bersebelahan dengan sempadan negeri (mengambil kira densiti, ketinggian bangunan dan nisbah plot)	PLANMalaysia@Negeri dan PBPT	
13.	Kawasan khas atau sensitif negeri bersebelahan di kawasan sempadan daerah (keselamatan, tanah perkuburan dan tapak pelupusan sampah).	PLANMalaysia@Negeri dan PBPT	
14.	Perkara berkepentingan merentasi sempadan daerah (pengurusan lembangan sungai, kawasan tadahan, sistem pengangkutan awam, KSAS, pengurusan hutan dan lain-lain).	Kementerian/Agensi berkaitan	

6. Peringkat Penyelaras ini boleh dibuat dalam dua (2) peringkat semasa proses Penyediaan RT seperti berikut :



7. Penyelarasan dan rundingan RT antara daerah-daerah berjiran semasa menyediakan RT boleh dilaksanakan dengan lebih berkesan melalui 3 mekanisma iaitu :

a) Mesyuarat Pasukan Kajian

Rundingan antara daerah bersama **Agensi berkaitan** di dalam Mesyuarat Pasukan Kajian. Menghasilkan **Laporan Perundingan Senarai semak**.

b) Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal

Laporan Perundingan Senarai Semak dibentang ke Mesyuarat Penyelarasan Teknikal untuk **makluman**.

c) MAJLIS PERANCANG FIZIKAL NEGARA

Sekiranya negeri/ daerah bersebelahan **TIDAK BERSETUJU** : pembentangan kepada **JPN** untuk **persetujuan dan pertimbangan MPFN** sebagai '**ALERT PAPER**'

8. Rundingan yang telah dibuat akan menghasilkan **Laporan Perundingan Senarai Semak** yang mengandungi perkara-perkara sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam senarai semak. Laporan ini disediakan di peringkat kajian seperti berikut :

a) PERINGKAT PUBLISITI AWAL/ FGD

- Mengambilkira perkara-perkara sebagaimana di senarai **semak A** dalam penyediaan Terma Rujukan.
- Disediakan oleh Pejabat Projek Zon.

b) PERINGKAT LAPORAN ANALISIS DAN TRATEGI PEMBANGUNAN

- Mengambilkira perkara-perkara sebagaimana di senarai **semak A** dalam penyediaan Laporan Analisis & Strategi Pembangunan.
- Laporan Perundingan Senarai Semak disediakan oleh PPZ.
- Perunding akan memperincikan perkara-perkara di **senarai semak A** di dalam **LASP**

c) PERINGKAT DRAF RT

- Mengambilkira perkara-perkara sebagaimana di senarai **semak B** dalam penyediaan Draf RT
- Laporan Perundingan Senarai Semak disediakan oleh PPZ.
- Perunding akan memperincikan perkara-perkara di **senarai semak B** dalam **Draf RT**.